

32 pelajar UUM menuntut hak caj set bahasa

Kosmo 29/6/2011
14:1

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS
norlida_idros@kosmo.com.my

ALOR SETAR - Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) di sini gamat dengan kehadiran 32 pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk membuat tuntutan terhadap sebuah syarikat pembelajaran bahasa terkemuka kerana didakwa melanggar perjanjian pembelian 32 set belajar bahasa Inggeris di bawah pakej pelajar.

Mereka yang terdiri daripada 30 pelajar wanita dan dua pelajar lelaki mendakwa terma perjanjian menyebut syarikat Linguaphone Distributors Sdn. Bhd. tidak akan mengenakan sebarang faedah sebagai caj denda lewat sekiranya pelajar gagal membuat bayaran ansuran RM110 pada setiap bulan dalam tempoh 19 bulan.

Namun begitu, mereka mendakwa dikenakan caj denda lewat dan dimaklumkan oleh kakitangan syarikat tersebut bahawa mereka boleh disenarai hitam jika gagal membuat bayaran dengan tetap setiap bulan.



Selepas mendengar keterangan penuntut dan Linguaphone, Presiden TTPM, Reihana Abd. Razak meminta kedua-dua pihak berbincang dan menyelesaikan kes secara baik tetapi gagal.

Beliau kemudiannya memerintahkan kontrak pembayaran ansuran set pembelajaran bahasa Inggeris berharga RM2,389 itu dipinda dengan memutuskan tempoh baharu bayaran ba-



PARA pelajar UUM menunjukkan surat tuntutan terhadap Linguaphone Distributors Sdn. Bhd. pada Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia di Alor Setar semalam.

lik baki tunggakan selama dua tahun bermula bulan depan.

"Selain itu, saya juga memerintahkan pihak Linguaphone tidak boleh mengenakan denda lewat terhadap apa-apa tunggakan yang berlaku dalam tempoh 24 bulan berkenaan tetapi Linguaphone boleh mengenakan faedah 8 peratus ke atas baki tunggakan selepas tempoh 24 bulan berakhir," katanya.

Sementara itu, pelajar UUM, Noryanti Syafila Che Aat, 22, memberitahu, dia membeli set pembelajaran bahasa Inggeris itu selepas dipujuk seorang jurujual di sebuah kompleks beli-belah di Jitra pada 23 Julai tahun lalu dan membuat bayaran deposit sebanyak RM299.

"Selepas itu, saya buat ansuran bulanan RM110 dan pernah beberapa kali tertunggak menyebabkan saya dikenakan faedah sedangkan kami dijanjikan tidak akan dikenakan caj denda lewat," katanya.

Nur Aziah Abdul Aziz, 22, pula berkata, biarpun tuntutan di TTPM untuk menamatkan kontrak pembelian dan wang dikembalikan tidak berjaya namun beliau berpuas hati apabila syarikat itu diperintah memanjangkan tempoh bayaran.

"Dengan cara ini sahaja kami dapat bayar kerana sebagai pelajar kami hanya bergantung kepada wang pinjaman," jelasnya.